

Wabak Covid-19 mungkin telah menjadikan banyak acara sukan namun pandemik itu tidak mengugut semangat juang atlet dan penggiat sukan untuk mencapai kecemerlangan demi mengharumkan nama negara. **BERITA HARIAN** menyingkap beberapa pencapaian manis dalam dunia sukan sepanjang 2021.

# Pencapaian sukan menarik sepanjang 2021

## BADMINTON JUARA DUNIA

SUKAN badminton di negara ini kembali menarik minat ramai orang selepas kejayaan Loh Kean Yew menjadi juara dunia baru-baru ini.

Ditukar kemenangan bersejarah pemain badminton Singapura Loh Kean Yew di Kejuaraan Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF) di Sepanyol pada Hari Krismas lalu.

Ini setelah Loh meraih kemenangan bersejarah untuk Singapura dan menjadi rakyat Singapura pertama yang memenangi Kejohaan Dunia BWF.

Sepanjang tempoh kejohaan itu, Loh menumpaskan beberapa pemain handal dunia seperti pemain nomor satu dunia, Viktor Axelsen dan Anders Antonsen yang menduduki tempat ketiga di dunia, sebelum dinobatkan juara.

Dalam pusingan akhir, Loh berjaya menewaskan Srikanth 21-15, 22-20 sekali gus menjadikannya rakyat Singapura yang pertama untuk memenangi kejohaan itu.

Beliau mengalahkan rakannya semasa kecil yang juga pemain Malaysia yang berada di kedudukan nomor tujuh dunia iaitu Lee Zii Jia, sebanyak dua kali.

Ranking dunianya naik dari 22 kepada 15.

Loh dibesarkan di Pulau Pinang, Malaysia, dan dilahir di Persatuan Badminton Pulau Pinang sehingga beliau berusia 12 tahun, apabila beliau diterima masuk ke Sekolah Sukan Singapura.

Pemain badminton berusia 24 tahun itu, yang kini seorang rakyat Singapura, menarik perhatian ramai dengan kemenangan demikian kemenangan yang diraihnya.

Loh membutkikan kehandalannya selepas menumpaskan permainan hebat, Lin Dan, dalam acara Terbuka Thailand pada tahun 2019.

Selepas itu beliau terus menerus menundukkan lawannya yang terdiri daripada nama-nama besar dalam perlawanan badminton.

Dalam tempoh dua bulan lalu, beliau berjaya mewakilkan juara satu dunia, Axelsen (World Championships), juara dunia kedua, Kento Momota (Indonesia Open), juara dunia ketiga Anders Antonsen (World Championships) dan juara dunia keempat, Chou Tien Chen (Hylo Open).

Selain kelima-lima juara dunia itu, beliau juga mengalahkan juara dunia kesepuluh, Rasmus Gemke sebanyak dua kali (Hylo Open dan Indonesia Open) dan juara dunia ketujuh, Lee Zii Jia (French Open dan Hylo Open).

## PIALA AFF SUZUKI 2020

Kisah ‘kecewa’ pasukan bola sepak Singapura di Piala AFF Suzuki 2020 mungkin sudah berakhir, namun diskusi mengenai perlawanan itu masih lagi hangat.

Bukan sahaja di Singapura, di laman media sosial, penyokong pasukan bola sepak Indonesia dan Malaysia menyanyang semangat juang pasukan Singapura sampai ke wisel penamat.

Ada peminat sukan termasuk dari Indonesia, guna ‘mem’ untuk puji pasukan Singapura, yang berjuang habis-habisan meski kalah dalam tiga peminat.

Prestasi pasukan Singa telah dapat ‘memang’ hati peminat bola sepak setempat, malah di negara-negara jiran.

Meskipun kuncudang 2-4 (atau 3-5 mengikut agregat) di tangan Indonesia setelah akhir kedua perlawanan separuh akhir pada Sabtu malam Krisnas - 25 Disember.

Pasukan bola sepak negara tetap ‘menang besar’ atau semangat kesukanan mereka berjaya menambat hati rakyat Singapura, seperti kata Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat dalam satu catatan Facebooknya sebelum ini.

Malah Perdana Menteri Lee Hsien Loong berkata meskipun kalah di tangan Indonesia, mereka bertarung dengan handal dan memperkuat semangat luar biasa, mendirikan benteng pertahanan yang kukuh walaupun berdepan rintangan.

“Satu usaha yang menakjubkan oleh para

sukan itu! Kami semua bersama-sama bangga dengan anda!,” kata Encik En.

Prestasi menonjol pasukan negara itu membangkitkan rasa bangga rakyat Singapura. Ini seperti dirakam oleh Kementerian Pertahanan dalam Facebook:

“Pasukan Singa, termasuk tiga anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepuh masa – Muhammad Hami Syahin Said, Muhammad Zulqarnain Sulziman dan Ilhan Fandi Ahmad, yang diberikan lepasan daripada NS untuk berlatih dan berlawnan dalam Piala Suzuki – mahu ke peringkat separuh akhir buat kali pertama dalam masa sembilan tahun.

“Kami akan terus menyokong anda, maju Lions!”

## ANUGERAH JAUHARI HARAPAN 2021

Pemain lawan pedang, Kiria Tikanah Abdul Rahman, 21 tahun, merupakan penerima Anugerah Jauhari Harapan 2021 anjuran Berita Harian baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan S Iswaran dalam ucapannya selaku tetamu terhormat di majlis penyampaian Anugerah Jauhari Harapan pada 22 Disember lalu menyifatkan

“bukan sahaja telah bekerja keras untuk menjadi mahir dalam bidang masing-masing tetapi juga mentingginya pembelajaran sepanjang hayat supaya dapat kelak relevan dalam usaha mereka mengejar kecemerlangan”.

Impian Kiria Tikanah Abdul Rahman untuk menjadi atlet Olimpik, menjadikan kenyataan selepas beliau menjurau acara epée

**LOH KEAN YEW**  
**JUARA DUNIA BADMINTON**



**CIPTA SEJARAH:** Loh meraih kemenangan bersejarah untuk Singapura dan menjadi rakyat Singapura pertama yang memenangi Kejohaan Dunia BWF. – Foto-foto fail

## PENCAPAIAN ATLET PARA

Bagi atlet para, wabak merupakan rintangan sedang mereka berusaha berlatih di sebalik sekatan Covid-19.

Namun, Yip Pin Xiu bangkit mengatasi kesukaran tersebut di Paralimpik Tokyo untuk mengulangi prestasi dua emas pada Sukan Rio de Janeiro 2016, menjadikannya Paralimpik Singapura paling berjaya setakat ini dengan lima emas dan satu perak.

Titisan air mata perenang berusia 29 tahun itu apabila lagu kebangsaan Singapura dimainkan selepas emas pertamanya di Tokyo menunjukkan betapa besarnya kejayaan itu baginya.

Usaha cemerlang Yip mencetuskan perdebatan yang hangat mengenai perbezaan ganjaran wang tunai antara atlet Paralimpik dan Olimpik yang memenangi emas, dan akhirnya DBS Bank tampil untuk menggandakan anugerah wang tunai atlet para di sukan utama.

Yip juga dianugerahkan Anugerah Presiden baru untuk Pencapaian Berinspirasi, mengiktiraf kejayaannya yang penuh inspirasi mengatasi kesukaran.

## KIRIA TIKANAH JAUHARI HARAPAN



**HARAPAN MASA DEPAN:** Pemain lawan pedang, Kiria Tikanah Abdul Rahman, 21 tahun, merupakan penerima Anugerah Jauhari Harapan 2021 sekali gus mengiktiraf kejayaannya mewakili Singapura di Sukan Olimpik Tokyo Julai lalu.

## SINGA MARA KE PUSINGAN SEPARUH AKHIR PIALA AFF SUZUKI



**SEMANGAT JUANG:** Biarpun gagal ke pusingan akhir, pasukan bola sepak negara tetap ‘menang besar’ atas semangat kesukanan mereka sekali gus berjaya menambat hati rakyat Singapura.

## JUARA RENANG PARALIMPIK



**JUARA BERTAHAN:** Srikanth renang para Singapura Yip Pin Xiu menghasilkan kempen Sukan Paralimpik Tokyo 2020 yang sempurna selepas menang pingat emas keduanya daripada dua acara yang bella tanding di temasya sukan itu.